



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“MENYAMBUK RAMADAN AL-MUBARAK”

28 Februari 2025 / 29 Syaaban 1446

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَنْعَمَ عَلَيْنَا شَهْرَ رَمَضَانَ بِنِعْمَةِ الصَّيَامِ، وَفَضَّلَ أَيَّامَهُ عَلَى سَائِرِ الْأَيَّامِ، وَضَاعَفَ فِيهِ الْأَجُورَ وَالْإِنْعَامَ، وَشَرَعَ فِي نَهَارِهِ الصَّيَامَ وَفِي لَيْلِهِ الْقِيَامَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ الْمَلِكُ الْعَلَامُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ رَسُولُ السَّلَامِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ يَا حَسَنُ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Illahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita sentiasa mendapat taufik dan hidayah serta diperkukuhkan iman mengabdikan diri kepada Allah Yang Maha Esa. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

“MENYAMBUK RAMADAN AL-MUBARAK”

Firman Allah SWT, ayat 183 surah al-Baqarah:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ﴾
﴿١٨٣﴾

Bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa”

Tertakluk kepada pengisytiharan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja pada malam ini, umat Islam di Malaysia, insya-Allah akan menyambut Ramadan dan mula berpuasa sama ada pada hari Sabtu 1 Mac atau hari Ahad 2 Mac 2025. Ramadan bulan difardukan kewajipan menyempurnakan salah satu Rukun Islam, iaitu ibadah berpuasa, iaitu menahan diri daripada makan, minum dan melakukan perkara-perkara yang membatalkan puasa, bermula daripada terbit fajar hingga terbenam matahari.

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa

Istilah *al-Mubarak* bermaksud keberkatan; merujuk kepada bulan Ramadan yang diberkati Ilahi, bulan yang dilimpahi pelbagai kebaikan – bulan yang dijanjikan keampunan kepada orang beriman. Sabda Rasulullah SAW

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Bermaksud: Siapa yang berpuasa dalam bulan Ramadan dengan penuh keimanan dan mengharapkan pahala (dari Allah), maka diampunkan dosa-dosanya yang telah lalu."

(Hadis Riwayat al-Bukhari)

Ayat 183 surah al-Baqarah yang khatib bacakan pada awal khutbah, menjelaskan tujuan syariat ibadah puasa iaitu meraih ketakwaan. Mukmin yang berpuasa semata-mata kerana Tuhannya, memelihara puasa daripada perkara yang membatalkan, kemudian berupaya menahan serta mengawal keinginan nafsu, adalah Mukmin yang hati dan akal nya sentiasa bersedia menerima petunjuk Ilahi, gembira melaksanakan amal kebaikan dan cenderung membuktikan ketaatan kepada Allah SWT. Inilah yang dinamakan takwa, matlamat utama untuk dicapai dalam bulan Ramadan.

Jemaah yang dilimpahi keberkatan Ilahi

Pada waktu menantikan ketibaan Ramadan, setiap Muslim dianjurkan bermuhasabah diri sebagai persediaan agar ibadah yang dilakukan dalam bulan Ramadan berupaya membersihkan diri, seterusnya membina ketakwaan kepada Ilahi. Mimbar menyenaraikan persiapan kerohanian dan persiapan umum seperti berikut:

Pertama: Persiapan kerohanian – mempersiapkan hati dan jiwa menyambut Ramadan dengan keyakinan bahawa Ramadan mengandungi pelbagai hikmah kebaikan duniawi dan ukhrawi. Para solihin terdahulu digambarkan berdoa selama enam bulan sebelum munculnya Ramadan, agar diberi kesempatan untuk beribadah dalam bulan Ramadan. Rasulullah SAW berdoa sebelum datangnya Ramadan:

اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي رَجَبٍ وَشَعْبَانَ وَبَلِّغْنَا رَمَضَانَ

Bermaksud: "Ya Allah, berkatilah kami di bulan Rejab dan Syaaban, serta sampaikanlah kami ke bulan Ramadan."

(Hadis Riwayat Ahmad)

Oleh itu, perbanyakkanlah berdoa memohon agar Allah SWT mengurniakan bimbingan dan kekuatan untuk kita cekat menyempurnakan ibadah puasa dengan hati yang cenderung melakukan amal kebaikan, dan kesungguhan untuk kita meninggalkan segala larangan Ilahi.

Kedua: Meningkatkan amal ibadah – para sahabat terdahulu, memperbanyakkan ibadah pada bulan Rejab dan Syaaban sebagai latihan beribadah untuk menyambut Ramadan. Perbanyakkan solat sunat, puasa sunat, membaca al-Quran, berzikir, berselawat dan melakukan pelbagai amal kebajikan.

Ketiga: Memperbanyakkan taubat dan istighfar – Ramadan adalah bulan keampunan, maka hendaklah kita membersihkan hati dan jiwa daripada segala dosa sebelum memasukinya. Hati dan jiwa yang bersih, akan lebih mudah mentaati perintah Allah dengan tenang dan reda, tanpa keluh kesah walaupun menghadapi lapar dan dahaga pada siang hari.

Keempat: Bersedekah dan berbuat baik – Ramadan adalah bulan digandakan pahala kebaikan. Perbanyakkan bersedekah, berwakaf, berinfaq dan melakukan pelbagai amal jariah sempena bulan Ramadan. Peruntukkan sebahagian harta dan rezeki kurniaan Ilahi untuk amalan bersedekah, menaja majlis iftar atau berbuka puasa di masjid, surau dan asrama sekolah, begitu juga untuk diagihkan kepada fakir miskin, anak yatim serta mereka yang memerlukan. Rasulullah SAW bersabda:

أَفْضَلُ الصَّدَقَةِ صَدَقَةٌ فِي رَمَضَانَ

Bermaksud: "Sedekah yang paling utama adalah sedekah di bulan Ramadan."

(Hadis Riwayat al-Tirmizi)

Kelima: Mengulang kaji hukum hakam ibadah puasa – ibadah yang bersandarkan ilmu dan petunjuk Rasulullah SAW adalah syarat untuk ibadah diterima oleh Allah SWT. Kerana itu, kita disarankan mengulang kaji tatacara yang betul mengerjakan ibadah-ibadah yang mahu kita laksanakan ketika bulan Ramadan; merangkumi adab berpuasa, hukum-hukum yang diwajibkan dan disunatkan, perkara yang dilarang yang boleh mengurangkan pahala puasa, kelebihan bertadarus, bersolat tarawih, berzakat, bersahur dan bertahajud malam.

Keenam: Perancangan kewangan dan elakkan pembaziran – merancang perbelanjaan juadah berpuasa dan bersahur secara sederhana dan berhemah, mengelakkan perbuatan membazir kerana makanan berlebihan yang akhirnya terbuang.

Ketujuh: Didikan berpuasa – ibu bapa yang mempunyai anak yang sudah mumaiyiz, bertanggungjawab mendidik anak-anak tentang kebaikan berpuasa. Latihlah mereka secara berperingkat agar terbina kekuatan dan semangat mereka untuk menyempurnakan ibadah berpuasa.

Jemaah Rahimakumullah

Ibadah puasa memberi manfaat kesihatan yang sangat berharga kepada tubuh manusia. Puasa berperanan sebagai penawar, merangsang perubahan baik dalam badan seperti membuang kekotoran dan menyingkirkan toksin badan, mengawal berat badan, dan meningkatkan fungsi metabolisme tubuh.

Ketika berpuasa, ummah dituntut menjaga adab-adabnya, antaranya meninggalkan perbuatan sia-sia, tidak berdusta, tidak mengumpat, tidak memfitnah, tidak tidur berlebihan pada siang hari, tidak membuang masa melayari bahan kandungan yang tidak berfaedah dalam media sosial, berjimat cermat dan tidak melakukan pembaziran, menjaga panca indera daripada mengundang perbuatan dosa, dan menjauhi perbuatan-perbuatan yang boleh mengakibatkan terhapusnya pahala ibadah, mengakibatkan puasa sekadar perbuatan menahan lapar dan dahaga.

Sambutlah Ramadan dengan hati yang tulus bersih, jiwa yang tunduk menadah rahmat, niat dan tekad murni ingin memperbaiki diri. Jadikan Ramadan sebagai madrasah untuk mendidik diri menjadi insan yang lebih bertakwa, meningkatkan keinsafan diri sebagai makhluk yang pada setiap saat dan ketika mengabdikan diri sepenuhnya untuk memenuhi seruan Ilahi.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَانصُرْ جُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَاكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin! kurniai kami, serta ahli keluarga kami, kekuatan, kegigihan dan kesihatan untuk membolehkan kami menyempurnakan ibadah berpuasa sepanjang bulan Ramadan. Mohon kami akan ihsan Mu Ya Allah, membuka pintu hati kita menjadikan Ramadan kali ini, Ramadan yang terbaik bagi kami, yang dipenuhi dengan sebanyak-banyak amal dan ibadah. Terimalah segala amal ibadah kami dalam bulan yang mulia ini. Golongkan kami dalam kalangan hamba Mu yang *muttaqin*

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin

yang bakal dilimpahi ihsan Mu di alam barzakh, dipermudahkan timbangan di Padang Mahsyar dan mendapat tempat di syurga Mu.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ،
وَأشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ
مَا تَصْنَعُونَ.